



KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH ULAMA NEGERI KELANTAN

BIL 3/2023

06 DISEMBER 2023

PERBINCANGAN MENGENAI KERTAS CADANGAN BERKAITAN AJARAN DAN FAHAMAN SUHAINI BIN MUHAMAD

Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 06 Disember 2023 Masihi bersamaan 22 Jamadil Awal 1445 Hijrah bertempat di Bilik Mesyuarat Merak 2, Hotel The Grand Renai, Kota Bharu telah membincangkan mengenai **Kertas Cadangan Berkaitan Ajaran Dan Fahaman Suhaini bin Muhamad**.

Mesyuarat bersetuju untuk memfatwakan sebagaimana berikut:

1. Ajaran yang diasaskan dan dibawa oleh Suhaini bin Muhamad atau Suhai Ibn Muhamad atau *sihulk* atau apa jua nama atau gelaran yang dikaitkan dengan Suhaini bin Muhamad adalah ajaran sesat, bercanggah dengan asas-asas akidah Islam yang utama dan menyeleweng daripada pegangan akidah ahli sunnah wal jamaah.
2. Orang Islam hendaklah menjauhi ajaran tersebut dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengamalkan fahaman dan ajaran tersebut hendaklah segera bertaubat kepada Allah s.w.t.
3. Semua bentuk pengajaran, penerbitan dan pengedaran bahan-bahan ajaran tersebut melalui apa jua medium hendaklah disekat, dihenti dan diharamkan serta merta.
4. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan untuk berpegang kepada ajaran tersebut termasuklah:
 - i) Mengisytiharkan diri sebagai orang yang berpegang dengan ajaran tersebut atau apa-apa ajaran yang mempunyai persamaan dengannya melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain.
 - ii) Telah berbaiah (taat setia) dengan ajaran tersebut.
 - iii) Mengamal, menyebarkan dan mengembangkan ajaran tersebut.

- iv) Menjadi pengikut kepada ajaran tersebut atau apa-apa ajaran yang mempunyai persamaan dengan ajaran tersebut.
 - v) Berada dalam majlis, perayaan atau sambutan keraihan yang boleh dikaitkan dengan ajaran tersebut.
 - vi) Melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat termasuklah menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberikan ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidupkan dan mengembangkan ajaran tersebut.
 - vii) Memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman, audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen menggunakan apa-apa bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran mereka yang berpegang dengan ajaran tersebut.
5. Mana-mana orang Islam yang berpegang kepada ajaran tersebut atau mengamalkan ajaran tersebut adalah disifatkan menyeleweng dan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah s.w.t.
 6. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman bahawa yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman ajaran tersebut adalah disifatkan sebagai pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenarnya.
 7. Apa-apa bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman ajaran tersebut atau apa-apa ajaran yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa-apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter, atau media social adalah diharamkan.
 8. Fatwa ini akan diwartakan setelah mendapat ampuni perkenan ke bawah duli yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan.

DATO' HAJI MOHAMAD SHUKRI BIN MOHAMAD
Dato' Kaya Perba Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
(Pengerusi Mesyuarat Jemaah Ulama MAIK)